

6.2.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PENGGUNAAN AIR DI SPT TERTINGGI DI ANTARA 5 DAERAH DI PULAU PINANG

- Pada tahun 2024, Seberang Perai Tengah (SPT) menggunakan purata 209 juta liter sehari (JLH), atau kira-kira 24% daripada 872 JLH penggunaan bermeter di Negeri Pulau Pinang.

PULAU PINANG, Khamis, 6.2.2025: Pada tahun 2024, Seberang Perai Tengah (SPT) menggunakan jumlah tertinggi air terawat di antara 5 daerah di Pulau Pinang.

Jadual berikut menunjukkan pecahan penggunaan air di 5 daerah Pulau Pinang pada tahun 2024:

Daerah di Pulau Pinang	Penggunaan (JLH)	Populasi*
1. SPT	209 (24.0%)	443,200
2. DBD (Daerah Barat Daya)	199 (22.8%)	248,300
3. SPU (Seberang Perai Utara)	179 (20.5%)	315,000
4. DTL (Daerah Timur Laut)	168 (19.3%)	569,900
5. SPS (Seberang Perai Selatan)	117 (13.4%)	188,100
Total	872 (100.0%)	1,800,500

* Anggaran populasi mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia

Sila maklum bahawa SPT kini merupakan daerah kedua paling ramai penduduk di Pulau Pinang. Selain itu, SPT menempatkan 9 kawasan/taman perindustrian termasuk Kawasan Perindustrian Perai, Kawasan Perindustrian Bukit Tengah, Taman Perindustrian Juru dan *Penang Science Park*.

Manakala daerah yang menduduki tempat kedua dari segi penggunaan air ialah Daerah Barat Daya atau DBD (Daerah Barat Daya Pulau Pinang). Walaupun DBD mempunyai pangkalan penduduk yang agak rendah, ia merangkumi Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas, Taman Perindustrian Bayan Lepas dan Taman Perindustrian Diamond Valley.

WCP 2030 untuk meningkatkan bekalan air terawat (2023 – 2028)

Pada 2024, penggunaan air negeri di Pulau Pinang adalah purata 872 JLH berbanding 877 JLH pada tahun 2023. Terdapat penurunan kecil 0.6% dalam penggunaan, tahun ke tahun.

Namun begitu, PBAPP akan terus memberi tumpuan untuk melaksanakan projek Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) tepat pada masanya.

Pada 2024, PBAPP menghasilkan purata 1,208 MLD air terawat untuk memenuhi permintaan air Pulau Pinang. Dengan peratusan air tidak berhasil (NRW) sebanyak 28%, penggunaan bermeter adalah kira-kira 872 JLH.

Unjuran menunjukkan permintaan air Pulau Pinang akan meningkat daripada 1,208 JLH pada 2024 kepada 1,532 JLH pada tahun 2030. Oleh itu, PBAPP sedang bersiap sedia untuk membekalkan lebih banyak air terawat pada tahun 2030, bagi menyokong pencapaian wawasan “Penang2030”.

WCP 2030 merangkumi pembangunan 8 projek infrastruktur air strategik dalam jangka masa dari 2023 hingga 2028. Objektif WCP 2030 adalah untuk:

- Menyiapkan 6 loji/modul rawatan air (2 setiap satu dalam SPU, SPT dan SPS) untuk meningkatkan kapasiti rawatan air PBAPP sebanyak 602 JLH;
- Mengepam lebih banyak air dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke Pulau Pinang melalui 2 saluran paip 1.8m baharu; dan
- Meneroka 3 sumber air mentah harian sekunder baharu untuk Pulau Pinang (Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan, Sungai Kerian dan Sungai Perai).

6 Projek Persekutuan untuk mengurangkan risiko air Pulau Pinang (2025 – 2030)

PBAPP juga akan menyokong pelaksanaan 6 projek Persekutuan untuk mengurangkan risiko air Pulau Pinang yang berkaitan dengan musim kemarau yang berpanjangan pada masa hadapan (fenomena El Niño) dan “Insiden Sungai Muda”.

6 projek ini ialah:

1. Rumah Pam Lahar Yooi 440 JLH (SPT): Untuk mengisi semula Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan (EMD) dengan air dari Sungai Muda dengan lebih efisien semasa musim hujan;
2. Saluran Paip Dwi-fungsi 440 JLH dari EMD ke Terusan Sungai Dua (SPT): Terutamanya untuk membolehkan pengeluaran sehingga 1,040 MLD dari EMD ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua semasa senario kecemasan;
3. Takungan air pinggir sungai (TAPS) Sungai Muda (SPU): “Empangan mini” untuk menyimpan 24 – 48 jam bekalan air mentah dari sungai ini sekiranya berlaku kecemasan;

4. TAPS Sungai Kerian (SPS): “Empangan mini” untuk menyimpan 24 – 48 jam bekalan air mentah dari sungai ini sekiranya berlaku kecemasan;
5. Kerja-kerja menaik taraf Empangan Bukit Panchor (SPS): Untuk menyimpan lebih banyak air mentah untuk digunakan dalam pengeluaran air terawat di LRA Bukit Panchor; dan
6. Baraj Sungai Muda baharu di Rantau Panjang (SPU): Untuk menyokong sehingga 1,500 JLH pengabstrakan air mentah dari Sungai Muda pada masa hadapan.

Projek Air Perak-Pulau Pinang (2030)

Pada Januari 2025, Jabatan Bekalan Air Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah mengeluarkan tender untuk melantik perunding bagi kerja-kerja fizikal bagi Projek Air Perak-Pulau Pinang.

Faedah utama Projek Air Perak-Pulau Pinang untuk Pulau Pinang termasuk:

- Akses kepada sumber air mentah utama kedua untuk menyokong kemajuan sosioekonomi masa depan;
- 250 JLH atau lebih air terawat dari Perak untuk diagihkan ke seluruh kawasan di Seberang Perai khususnya SPS;
- Potensi “mengalihkan” lebih banyak air terawat dari LRA Sungai Dua ke bahagian pulau, Pulau Pinang;
- Mengurangkan risiko kekurangan air di Seberang Perai dan DBD di bahagian pulau, Pulau Pinang akibat musim kemarau yang berpanjangan; dan
- Mengurangkan dengan ketara risiko “Insiden Sungai Muda” di Kedah yang menjejaskan perkhidmatan bekalan air untuk majoriti pengguna air di Pulau Pinang.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Lampiran A: Penggunaan Air Pulau Pinang 2024 (mengikut daerah) Jumlah: 872 JLH

